

# Program Jelajah Ramadan 'Masih ada Nur' siri 2 ke lima daerah terpilih

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conypearl09@gmail.com

UB 26-07-2012 AG

**KOTA KINABALU:** Program Jelajah Ramadan 'Masih ada Nur' siri 2, 2012 peringkat negeri Sabah oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertujuan menyemarakkan bulan Ramadan bersama masyarakat setempat dan memotivasikan pelajar.

Dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), seramai lapan pelajar daripada MPP mengetuai misi ke lima daerah terpilih iaitu Kota Belud, Beluran, Lahad Datu, Tawau dan Menggatal.

Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Capt Darwis Awang berkata misi jelajah yang berkonsepkan 'm e m a s y a r a k a t k a n m a h a s i s w a , m e m a h a s i s w a k a n m a s y a r a k a t' itu turut melibatkan 200 pelajar UMS



**DARWIS (tengah)** memotong riben sebagai simbolik perasmian.

pada setiap daerah yang dikunjungi.

"MPP dan juga pelajar UMS yang terlibat ini menjadi duta kepada universiti bagi menjelaskan program universiti dari akar umbi yang turut memberi kekuatan, pendekatan dan motivasi kepada pelajar sekolah menengah.

"Menerusi program ini

juga, mereka turut menjadi wadah kepada masyarakat untuk menjelaskan peranan mahasiswa yang bukan hanya berfokuskan kepada keserjanaan sahaja tetapi juga dalam kemasyarakatan," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Jelajah Ramadan 'Masih ada Nur', di sini kelmarin.

Darwis berkata, program

itu turut melibatkan pelajar bukan muslim yang sememangnya sesuai dengan konteks masyarakat majmuk Malaysia.

Sementara itu, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Khalil Sabu berkata program itu berlangsung selama seminggu yang bermula di Kota Belud kelmarin (Rabu) dan berakhir

di Menggatal.

Menurutnya, program jelajah bersama masyarakat itu juga turut melibatkan ketua pemimpin di setiap daerah yang dikunjungi.

"Selain ke arah keagamaan bersama masyarakat di setiap daerah, program ini juga juga berterapan pendidikan yang turut memberikan suntikan motivasi kepada pelajar di sekolah menengah terpilih," katanya.

Tambahnya, misi jelajah itu juga merupakan kesinambungan program jelajah pada tahun lepas di kawasan pantai barat.